

Ketidaksantunan Berbahasa dalam Pantun Kelakar 'Khazanah Pantun Melayu Riau'

Nur Najahah Ishak^{1*}, Noriza Daud¹, Umaimah Kamarulzaman¹ dan Nurul Afnieza Md. Zain¹

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA.

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan strategi ketidaksantunan berbahasa dalam pantun kelakar yang terkandung dalam buku Khazanah Pantun Melayu Riau (2016). Pantun merupakan ekspresi minda masyarakat Melayu tradisional dan merupakan cerminan budi masyarakat Melayu. Namun, melalui kajian ini terbukti bahawa terdapat penggunaan bahasa yang tidak santun. Hasil kajian juga memperlihatkan bahawa pemantun menggunakan bahasa yang tidak santun dalam menyampaikan sesuatu mesej melalui pantun. Sebanyak 35 rangkap pantun kelakar telah dikaji dan dianalisis berlandaskan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996). Kajian ini hanya memfokuskan penggunaan leksikal dan ungkapan yang tidak santun yang terdapat dalam pantun kelakar. Hasil kajian ini juga mendapati di sebalik keindahan bahasa manifestasi pantun Melayu, terdapat ketidaksantunan dalam garapan idea dan penggunaan bahasanya. Data kajian yang diperoleh adalah melalui pendekatan kualitatif, iaitu analisis kandungan dan penganalisan data kajian ini dilakukan berdasarkan konteks, budaya dan latar belakang masyarakat. Strategi ketidaksantunan berbahasa yang dapat dikenal pasti dalam pantun kelakar adalah seperti penggunaan bahasa tabu, penggunaan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian, mengejek dan penggunaan sindiran. Dapatan kajian juga mendapati bahawa penggunaan sindiran yang digunakan berunsur lucah yang menekankan konsep hubungan suami isteri.

Kata Kunci: Bahasa, Kesantunan, Ketidaksantunan, Pantun Melayu, Pantun Kelakar.

Impoliteness Strategies in Humorous Limericks Poem 'Khazanah Pantun Melayu Riau'

ABSTRACT

This paper discuss on the usage of impoliteness strategies in comedic poem found in the book titled "Khazanah Pantun Melayu Riau" (2016). Poem is an expression that potrays Malay society culture. However, this paper proves that there were usage of impoliteness. The result of the studies shows that the poet used impoliteness strategies in conveying messages using poem. A total of 35 lines of humorous limericks poem has been studied and analysed by using Impoliteness Strategies (Culpeper, 1996). This research focused on the lexical and expressions usage found in humorous limericks poem. The result of the study also found between beauties of the language expressions and manifestation in Malay poem, there are impoliteness in grasping of ideas and usage of the language. Data collection method are by using qualitative method, that is by analysing the content and analysing the data by using context, culture and social background of the target society. Impoliteness strategies found in the humorous limericks poem are the use of taboo words, use of incorrect or unsuitable pronoun, to tease and to sneering language usage. The studies also found out the usage of sneering is vulgar that emphasis in the concept of relationship between husbands and wives.

*Koresponden: najahishak06@gmail.com

Keyword: Language, Politeness Strategies, Impoliteness, Malay Poem, Humorous Limericks Poem.

PENGENALAN

Pantun berperanan sebagai salah satu bentuk hiburan yang memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada masyarakat Melayu. Pantun merupakan satu keindahan bahasa yang digarapkan sebagai satu media penyampaian tunjuk ajar dan penggunaan bahasanya sangat sopan dan tinggi budi bicaranya. Hal ini disokong oleh Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011) yang menyatakan bahawa pantun adalah cerminan orang Melayu yang kaya dengan budi pekerti. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa dalam pantun turut mempunyai aspek yang tidak santun.

Pelanggaran konsep kesantunan dalam berbahasa ini dilihat bercanggah dengan norma pantun yang kebiasaannya sering dikaitkan dengan cerminan keindahan bahasa dan mempamerkan nilai-nilai yang luhur dalam norma sosial. Ini selari dengan ajaran agama Islam yang mempraktikkan nilai kesantunan dalam membicarakan dan melakukan sesuatu. Penggunaan bahasa yang tidak santun jelas bercanggah dengan nilai estetika yang ada dalam pantun. Emeis (1975) turut menyatakan bahawa pantun berperanan sebagai satu luahan hati bagi golongan orang-orang tua yang menggunakan pantun sebagai satu medium untuk menyampaikan nasihat secara sopan dan berkias tanpa menyinggung perasaan orang lain.

Selain itu, menurut Tenas Effendy (2016), pantun memainkan peranan terhadap kehidupan masyarakat Melayu dalam menyampaikan budaya yang digarap oleh nilai-nilai keagamaan. Tambahnya lagi, 'pantun digunakan untuk memperbaiki tingkah laku' atau 'pantun mengajjar untuk bersopan santun'.

Kajian ini memfokuskan kepada ketidaksantunan berbahasa dalam buku Khazanah Pantun Melayu Riau (KPMR), hasil karya Tenas Effendy yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016. Buku ini mempunyai lima bahagian, iaitu pantun adat, pantun nasihat, pantun kelakar, pantun berkasih sayang dan pantun petalangan. Kajian ini hanya membataskan pantun bertemakan kelakar sebagai data kajian kerana didapati tema tersebut mempunyai banyak penggunaan bahasa yang tidak santun. Data kajian hanya difokuskan kepada bahagian maksud pantun melalui penggunaan leksikal dan ungkapan yang tidak santun.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. mengenal pasti penggunaan bahasa yang tidak santun dalam pantun kelakar berpandukan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996)
- ii. menganalisis kategori penggunaan bahasa yang tidak santun dalam pantun kelakar

Konsep Ketidaksantunan

Ketidaksantunan berbahasa menurut Bousfield & Locher (2008) ialah amalan dan tindakan yang menjatuhkan air muka seseorang individu dan tidak menepati peraturan norma sosial yang telah ditetapkan dalam sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, konsep ketidaksantunan dalam berbahasa adalah berkenaan dengan tingkah laku yang mampu menjatuhkan air muka atau maruah seseorang individu. Mohammad Fadzeli Jaafar (1997) pula mentakrifkan

ketidaksantunan dalam berbahasa sebagai “tidak tahu bahasa” atau dalam erti kata lain tidak memahami prinsip kesopanan yang telah wujud dalam sesuatu masyarakat.

Ketidaksantunan mengikut takrifan Culpeper (2010) ialah satu tingkah laku atau perbuatan yang negatif dalam konteks yang tertentu. Ketidaksantunan merujuk kepada tingkah laku yang negatif yang dilihat bercanggah dalam sesuatu organisasi sosial atau masyarakat dan boleh menyebabkan gangguan emosi terhadap seseorang. Brenes (2011) pula menyatakan bahawa sekiranya pendengar menginterpretasikan sesuatu ujaran seperti makian, tekanan, berbeza pendapat, tidak menghargai, dan perbandingan sebagai satu kesantunan, maka ujaran ketidaksantunan itu masih kekal sebagai satu yang santun.

Ketidaksantunan dalam Pantun

Pantun dianggap sebagai suatu pernyataan tradisi budaya Melayu yang menyatakan daya kreativiti dan pemikiran orang Melayu. Berdasarkan Harun Mat Piah dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1996), pantun adalah sebuah bentuk perlambangan manusia Melayu dari segi pemikiran, emosi yang dipancarkan melalui kuplet, serangkap dan keseluruhan pantun tersebut. Menurut beliau lagi, pantun ialah ciptaan asal daripada masyarakat Melayu dan sebagai satu wahana untuk berkomunikasi secara tidak berterus-terang atau berkias. Asmah Haji Omar (1991) pula menyatakan budaya masyarakat Melayu menolak pujian untuk mengelakkan sifat riak.

Terdapat banyak unsur metafora dan kiasan dalam pantun. Masyarakat Melayu akan dianggap biadap jika menyampaikan sesuatu secara terus-terang kerana tidak menjaga air muka orang lain. Namun, masyarakat pemantun juga ternyata menggunakan bahasa secara terus terang tanpa berlapik semasa berkomunikasi melalui medium pantun. Seperti yang telah dinyatakan oleh Tenas Effendy (2016), pantun berfungsi sebagai satu medium untuk mengajar bersopan santun. Selain itu, pantun juga merupakan satu alat komunikasi yang penting dan bertujuan untuk menyampaikan kebudayaan Melayu di samping mempamerkan nilai-nilai keagamaan.

Model Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996)

Kajian ini dilakukan dengan berpandukan Strategi Ketidaksantunan Berbahasa oleh Culpeper (1996). Strategi ini telah diperkenalkan sebagai pelengkap kepada Model Strategi Kesantunan Brown & Levinson (1987). Strategi Ketidaksantunan Berbahasa Culpeper (1996:8) mengemukakan lima strategi, iaitu Ketidaksantunan Secara Langsung (*bald on record impoliteness*), Ketidaksantunan Positif (*positive impoliteness*), Ketidaksantunan Negatif (*negative impoliteness*), Penggunaan Sindiran (*sarcasm or mock politeness*) dan Menahan Kesantunan (*withhold politeness*). Culpeper menyatakan bahawa ketidaksantunan adalah strategi atau perlakuan yang telah dirancang. Kelima-lima model Ketidaksantunan ini adalah seperti yang berikut:

- i. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*) ialah tingkah laku atau perlakuan yang mengganggu-gugat atau mengancam terhadap air muka yang dilakukan secara langsung, jelas dan tidak mengandungi taksa.
- ii. Ketidaksantunan Positif (*positive impoliteness*) ialah satu bentuk penggunaan strategi yang bertujuan untuk menjatuhkan air muka penutur dengan menganggap penutur tidak hadir atau tiada dalam suatu aktiviti yang dilakukan. Ketidaksantunan positif terbahagi kepada tujuh, iaitu tidak memerhatikan atau mengabaikan, tidak memberikan simpati, menggunakan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian, menggunakan bahasa taksa atau rahsia, menunjukkan ketidaksungguhan, menggunakan bahasa tabu

- (bahasa yang dilarang dan berbau lucah) dan menyapa seseorang dengan nama yang lain.
- iii. Ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*) pula merupakan penggunaan strategi yang bertujuan untuk merosakkan imej atau air muka penutur. Ketidaksantunan negatif merangkumi perbuatan memanipulasi seseorang bahawa tindakannya merugikan, menakut-nakutkan, memandang rendah atau memperlekehkan, mencemuh atau mengejek, menghina, mempermainkan atau tidak mengambil berat dan bersungguh-sungguh berkenaan apa yang diperkatakan oleh seseorang individu, menyinggung atau mengecilkan perasaan pendengar, menggunakan sapaan dengan mempamerkan aspek personaliti yang negatif dan mengambil kesempatan terhadap orang lain seperti menggantikan orang lain sebagai seorang yang bertanggungjawab.
 - iv. Penggunaan sindiran atau kesantunan olok-olok (*sarcasm or mock politeness*) ialah lakukan ancaman muka yang dilaksanakan dengan penggunaan strategi ketidaksantunan yang secara jelas, iaitu tidak ikhlas dengan struktur ayatnya yang mudah. Misalnya, berpura-pura menggunakan perkataan santun, tetapi jika dilihat sebaliknya membawa maksud yang tidak santun.
 - v. Menahan kesantunan atau sembunyi kesantunan ialah tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan oleh seseorang individu tersebut. Sebagai contoh, tidak mengucapkan terima kasih kepada seseorang individu yang telah memberikan hadiah atau mengucapkan sesuatu yang menyenangkan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu secara analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan ini digunakan untuk membuat huraian berkenaan dengan jenis-jenis Strategi Ketidaksantunan berdasarkan buku 'Khazanah Pantun Melayu Riau' (2016). Prosedur kajian ini terlebih dahulu mengenal pasti penggunaan bahasa yang tidak santun berdasarkan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) seperti penggunaan perkataan tabu, mengejek dan sebagainya dalam pantun kategori kelakar yang terdapat dalam buku tersebut. Setelah itu, kajian diteruskan dengan menganalisis jenis-jenis strategi ketidaksantunan berbahasa yang terdapat dalam buku tersebut. Data kajian terdiri daripada 35 rangkap pantun kategori kelakar. Berpandukan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996), data-data kajian dikelaskan mengikut kategori bahasa yang tidak santun. Penggunaan leksikal atau ungkapan yang memperlihatkan bahasa yang tidak santun dalam bahagian maksud pantun sahaja yang diberi penekanan.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Menerusi kajian ini, terdapat tiga strategi ketidaksantunan yang telah diperlihatkan dalam pantun kelakar dengan berpandukan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996), iaitu Ketidaksantunan Positif, Ketidaksantunan Negatif dan Penggunaan Sindiran. Strategi Ketidaksantunan Positif dipecahkan kepada subgolongan yang kecil, iaitu penggunaan bahasa tabu dan penggunaan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian, manakala bagi Strategi Ketidaksantunan Negatif pula, subgolongan kecilnya adalah mengejek.

KETIDAKSANTUNAN POSITIF

Strategi Ketidaksantunan Positif ialah satu bentuk penggunaan strategi yang bertujuan untuk menjatuhkan air muka penutur dengan menganggap penutur tidak hadir atau tiada dalam suatu aktiviti yang dilakukan. Dua tindakan yang boleh dikategorikan sebagai Strategi Ketidaksantunan

Positif ialah penggunaan bahasa tabu dan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian.

Penggunaan Bahasa Tabu

Perkataan atau leksikal yang digunakan merupakan bahasa tabu atau 'bahasa larangan' mengikut perspektif konteks dan latar belakang masyarakat. Berikut merupakan contoh bahasa tabu yang terdapat dalam pantun yang dikaji.

Hari hujan hati menangis,
Hendak duduk lantainya basah;
Laki **setan** bininya **iblis**,
Tegak beramuk duduk berbantah.

(KPMR:1366)

Penggunaan bahasa tabu dalam pantun tersebut ialah perkataan **setan** dan **iblis**. Perkataan setan (syaitan) dan iblis terkandung dalam bahagian maksud pantun, iaitu 'Laki **setan** bininya **iblis**'. Bahagian baris maksud pantun tersebut menggambarkan pasangan suami isteri yang berkelakuan seperti setan dan iblis. Makna kiasan bagi perkataan setan ialah merujuk kepada seseorang yang berperangai buruk dan jahat. Perkataan setan dan iblis ini merupakan perkataan yang melanggar prinsip kesantunan kerana ibarat 'menyumpah' seseorang berperilaku seperti iblis dan setan. Penyampaian maksud tingkah laku suami dan isteri yang diibaratkan seperti setan dan iblis menggambarkan perangai suami dan isteri tersebut yang tidak elok. Kedua-dua perkataan ini sangat kasar dan boleh digantikan dengan perkataan lain yang lebih lembut maksudnya.

Begitu juga dengan penggunaan leksikal '**mampus**' dalam bahagian maksud pantun yang berikut menunjukkan penggunaan bahasa tabu.

Hiruk-pikuk kucing di dapur,
Berebut panggang dengan tikus;
Awaklah bongkok mata pun kabur,
Berlaki bujang cepatlah **mampus**.

(KPMR:1367)

Penggunaan leksikal ini dapat dilihat pada bahagian maksud pantun baris keempat, iaitu 'Berlaki bujang cepatlah **mampus**'. Perkataan mampus sesuai digunakan sekiranya merujuk kepada haiwan yang telah mati. Namun, dalam pantun ini penggunaan perkataan mampus tersebut ditujukan kepada manusia. Oleh itu, perkataan mampus diklasifikasikan sebagai penggunaan bahasa tabu dan tidak santun. Dari sudut pandangan budaya masyarakat Kelantan pula, perkataan 'mampus' ditujukan kepada masyarakat Cina yang telah meninggal dunia. Hal ini kerana, bagi sesetengah masyarakat terutamanya di Kelantan sudah menjadi kebiasaan dengan ungkapan 'Cina mampus'. Namun, penggunaan leksikal 'mampus' ini dianggap tidak santun dan kasar jika digunakan untuk merujuk kepada orang yang telah meninggal dunia, khususnya bagi masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, perkataan 'mampus' lebih sesuai digantikan dengan perkataan meninggal dunia.

Seterusnya, penggunaan bahasa tabu dapat dilihat pada penggunaan perkataan '**bodoh**' dalam bahagian maksud pantun yang berikut.

Tumbuh betung di tepi lebu,
Di tepi lebu tegaknya mudah;

Sungguh untung berlaki **bodoh**,
Laki **bodoh** tak banyak kisah.

(KPMR:1565)

Perkataan '**bodoh**' jika ditujukan kepada seseorang akan membawa maksud yang tidak santun dan boleh menyinggung perasaan. Hal ini kerana, perkataan bodoh membawa maksud yang negatif, iaitu seseorang yang tidak pandai dan tidak tahu membezakan perkara yang baik. Oleh itu, penggunaan perkataan ini bagi sesetengah masyarakat adalah sangat tidak santun kerana boleh menjatuhkan air muka seseorang. Pandangan ini diperkuatkan oleh pendapat Mohd. Daud Kadir (1985), iaitu tutur bahasa dan tegur sapa yang halus dalam masyarakat Melayu Riau mencerminkan hati yang baik. Oleh hal yang demikian, perkataan bodoh boleh digantikan dengan perkataan yang lebih santun, iaitu seseorang yang kurang pandai.

Pantun seterusnya pula memperlihatkan penggunaan leksikal **kencing** dan **terberak** pada bahagian maksud pantun, 'Anak **kencing** mentua **terberak**'.

Wangi sekali minyak jelantan,
Enak digoreng bersama kerak;
Laki bini tegak berbantah,
Anak **kencing** mentua **terberak**.

(KPMR:1657)

Perkataan '**kencing**' dan '**terberak**' diklasifikasikan sebagai perkataan kasar kerana perkataan tersebut adalah tidak santun untuk dituturkan. Perkataan tersebut boleh digantikan dengan bahasa halus yang lebih sopan, iaitu perkataan kencing kepada buang air kecil dan terberak kepada buang air besar. Hal ini kerana, menurut Teo Kok Seong (2007) bahasa halus boleh digunakan untuk menggantikan bahasa yang dianggap kasar dan lucu.

Penggunaan bahasa tabu juga jelas tertera melalui penggunaan leksikal '**janda**' yang dapat dilihat pada bahagian maksud pantun pada baris 'Bujang sekampung mengejar **janda**'.

Bagaimana rusa tidak mengamuk,
Kijang menyombong menampar dada;
Bagaimana dara tidak merajuk,
Bujang sekampung mengejar **janda**.

(KPMR:1304)

Dalam masyarakat Melayu Riau, janda membawa maksud seorang wanita yang tidak mempunyai suami akibat diceraikan atau bercerai kerana mati. Dari sudut perspektif masyarakat Melayu, istilah janda mempunyai konotasi yang negatif, iaitu merujuk kepada perempuan yang miang, gatal dan dianggap perampas suami orang. Oleh hal yang demikian, perkataan janda ini lebih sesuai digantikan kepada ibu tunggal kerana lebih sopan untuk dituturkan.

Penggunaan leksikal yang dapat dilihat pada bahagian maksud pantun 'Awak **bebal** memandai-mandai, Ditanya orang **terkentut-kentut**' juga dianggap tabu kerana tidak santun untuk dituturkan. Ini dapat diperhatikan melalui pantun yang berikut.

Anak buntal tergapai-gapai,
Bila pasang berhanyut-hanyut;
Awak **bebal** memandai-mandai,
Ditanya orang **terkentut-kentut**.

(KPMR:1264)

Perkataan bebal membawa maksud seorang yang dungu. Seorang yang dungu boleh dianggap sebagai seseorang yang sangat bodoh atau kurang cerdas. Seterusnya, perkataan **terkentut-kentut** juga kurang sopan untuk dituturkan. Oleh itu, perkataan ini lebih santun jika digantikan kepada membuang angin.

Penggunaan Penanda Identiti yang Tidak Tepat atau Tidak Bersesuaian

Terdapat penggunaan strategi ketidaksantunan dengan menggunakan penanda identiti yang tidak sesuai kepada manusia. Hal ini jelas bahawa, penggunaan penanda identiti haiwan yang diibaratkan sebagai manusia adalah salah satu bentuk ketidaksantunan dalam berbahasa. Penggunaan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian dapat dilihat pada bahagian maksud pantun yang berikut.

Sejak ubi diberi gula,
Manis melekat bila disayur;
Sejak babi jadi kepala,
Habishlah umat kena sungkur.

(KPMR:1480)

Melalui penyampaian dalam bahagian maksud pantun '**Sejak babi jadi kepala**', membawa maksud seorang ketua yang diibaratkan sebagai seekor babi. Penggunaan penanda identiti babi dianggap tidak santun dan tidak sesuai kerana haiwan babi haram di sisi agama Islam. Haiwan babi sering dikaitkan dengan haiwan yang kotor dan haram untuk dimakan. Oleh itu, melalui penyampaian maksud dalam pantun tersebut membawa maksud bahawa seorang ketua yang tidak mengikuti ajaran dan syariat Islam, maka rakyat akan menjadi binasa dan kucar-kacir. Pantun yang berikutnya juga memperlihatkan penggunaan penanda identiti yang tidak tepat, iaitu pada bahagian maksud pantun '**Sejak ular menjadi pemimpin**'.

Sejak tikar menjadi kain,
Dibawa melenggeng terasa sakit;
Sejak ular menjadi pemimpin,
Banyaklah orang yang kena belit.

(KPMR:1482)

Melalui penyampaian maksud pada baris tersebut menjelaskan seorang pemimpin yang diibaratkan sebagai ular. Penggunaan perkataan ular dianggap sebagai suatu penanda identiti yang tidak bersesuaian kerana membawa maksud yang tidak santun. Penggunaan penanda identiti pemimpin sebagai ular boleh diibaratkan sebagai seorang pemimpin yang tidak baik atau berbahaya. Haiwan ular merupakan haiwan yang berbisa dan boleh mendatangkan mudarat kepada manusia. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas melalui penyampaian maksud pada baris tersebut, seorang pemimpin yang tidak bertanggungjawab akan memberikan keburukan atau kemudaratan kepada rakyat yang dipimpinnnya.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN NEGATIF

Strategi ketidaksantunan negatif merupakan penggunaan strategi yang bertujuan untuk merosakkan imej atau air muka penutur. Menerusi kajian ini, strategi ketidaksantunan negatif yang dapat dikenal pasti ialah perbuatan mengejek atau mencemuh. Berdasarkan pantun berikut, dapat dilihat bahawa terdapat penggunaan strategi ketidaksantunan negatif, iaitu tindakan mengejek seseorang. Tindakan ini jelas mampu menjatuhkan air muka atau maruah seseorang. Ini dapat diperhatikan melalui bahagian maksud pantun yang berikut.

Anak cercap jatuh ke kali,
Dibawa arus mati terbuntang;
**Awak gagap disuruh mengaji,
Membaca sebaris hari pun petang.**

(KPMR:1267)

Ungkapan tersebut boleh diinterpretasikan sebagai mengejek seseorang kerana seseorang yang gagap tidak mempunyai keupayaan untuk mengaji Al-Quran dengan betul, malahan mengambil masa yang lama untuk mengaji. Tambahan pula, masyarakat Melayu amat mementingkan pendidikan agama kepada anak-anak seiring dengan tuntutan agama Islam. Strategi mengejek dalam pantun ini seolah-olah merendahkan keupayaan seseorang untuk membaca Al-Quran disebabkan kekurangannya.

Seterusnya, ungkapan '**Awaklah pendek gemuk gedempung**' dalam bahagian maksud pantun berikut juga merujuk kepada perbuatan mengejek seseorang.

Galah pendek penjolak terung,
Masak sebiji dimakan tupai;
**Awaklah pendek gemuk gedempung,
Hendak berbini tinggi semampai.**

(KPMR:1355)

Ungkapan tersebut dilihat sebagai mengejek seseorang yang mempunyai bentuk fizikal pendek serta gemuk, tetapi mempunyai hajat untuk beristerikan seorang wanita yang tinggi lampai. Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu yang berbunyi, 'Biarlah enggang sama dengan enggang, pipit sama dengan pipit'. Penyampaian maksudnya jelas menunjukkan bahawa seseorang lelaki perlulah mencari calon isteri yang sepadan dengan dirinya.

Begitu juga dengan ungkapan dalam bahagian maksud pantun yang berikut jelas menunjukkan perbuatan mengejek seseorang, iaitu '**Perut buncit badan berbulu**'.

Lemahlah kaki anak siamang,
Lutut sakit makan tak mau;
Lemahlah sendi menengok tunang,
Perut buncit badan berbulu.

(KPMR:1395)

Ungkapan ini bertujuan untuk mengejek seseorang yang mempunyai bentuk fizikal badan yang tidak cantik. Ungkapan tersebut menggambarkan seseorang yang tidak mempunyai nafsu atau tidak tertarik dengan tunangnya yang tidak cantik seperti yang dinyatakan dalam penyampaian maksud, '**Perut buncit badan berbulu**'.

PENGGUNAAN SINDIRAN

Penggunaan sindiran merupakan lakuan ancaman muka yang dilaksanakan dengan penggunaan strategi ketidaksantunan yang secara jelas, iaitu tidak ikhlas dengan struktur ayatnya yang mudah. Misalnya, berpura-pura menggunakan perkataan santun, tetapi jika dilihat sebaliknya membawa maksud yang tidak santun. Penggunaan sindiran yang terdapat dalam pantun kelakar ini jelas menunjukkan bahawa pemantun menggunakan sindiran yang berbaur lucah dan lebih

menekankan konsep hubungan suami isteri. Oleh itu, penggunaan sindiran yang telah dianalisis menunjukkan satu strategi ketidaksantunan dalam berbahasa.

Pantun berikut memperlihatkan penggunaan sindiran pada bahagian maksud pantun, iaitu '**Laki bebal bini pun pandir**' dan '**Dapat anak bingung alang**'.

Dari kapal mencari air,
Buat bertanak bekal pulang;
Laki bebal bini pun pandir,
Dapat anak bingung alang.

(KPMR:1343)

Ungkapan tersebut menjelaskan bahawa seorang anak akan mengikut jejak langkah ibu dan bapanya. Seperti dalam ungkapan pantun di atas, dinyatakan bahawa jika ibu bapa merupakan seorang yang kurang cerdik, maka anak mereka akan mengikut jejak langkah atau sedikit sebanyak akan terpengaruh dengan sikap mereka itu. Hal ini bertepatan dengan ungkapan 'Anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya'. Melalui penyampaian maksud pantun di atas, menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak. Seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2005), institusi kekeluargaan sangat penting dalam mendidik anak-anak supaya 'menjadi orang' atau menjadi manusia yang berguna dan berjaya.

Penggunaan sindiran juga jelas terungkap dalam bahagian maksud pantun yang berikut.

Zaman bukan sebarang zaman,
Zaman kemajuan semua bebas;
Makan bukan sebarang makan,
Makan menyetan bekerja malas.

(KPMR:1827)

Ungkapan '**Makan menyetan bekerja malas**' merupakan sindiran kepada seseorang yang malas bekerja dan hidupnya adalah untuk makan sahaja. Selain itu, ungkapan tersebut menjelaskan bahawa hidup kita bukan sekadar untuk makan, namun kita hidup untuk melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada diri dan masyarakat. Ungkapan Melayu ada mengatakan, 'Kalau Melayu hendak berjaya bekerja keras dengan sesungguhnya'. Bagi orang Melayu, bekerja dan mencari nafkah amat diutamakan dan dijadikan sebagai pengukur dalam menilai atau melihat keperibadian seseorang. Sebaliknya, bagi orang yang malas pula akan dipandang rendah dan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penggunaan sindiran dalam pantun ini ialah satu bentuk strategi ketidaksantunan berbahasa. Penggunaan sindiran yang berbau lucah juga dapat dikesan melalui ungkapan dalam bahagian maksud pantun yang berikut.

Ada untungnya menampung cerek,
Air diminum tidaklah gatal;
Ada untungnya berhidung pesek,
Sekali mencium santak ke pangkal.

(KPMR:1279)

Ungkapan '**Sekali mencium santak ke pangkal**' membawa makna yang kabur. Namun, ungkapan tersebut dapat ditafsirkan dan diinterpretasikan sebagai satu konteks hubungan suami isteri yang mengghairahkan dan berbau lucah.

Seterusnya, pemantun juga menunjukkan penggunaan sindiran yang berbaur lucah pada maksud pantun seperti yang tertera.

Mati sumbu matilah lampu,
Tiap malam duduk bergelap;
Laki bisu bini pun bisu,
Mulut diam tangan merayap.

(KPMR:1398)

Ayat ini dapat ditafsirkan sebagai perhubungan suami isteri yang sedang bermesra. Selain itu, melalui penyampaian maksud dalam pantun di atas, pemantun menyindir seseorang yang tidak sempurna atau kurang upaya dari segi fizikalnya, namun masih mampu untuk melakukan aktiviti dalam kehidupan seharian mahupun memenuhi tuntutan nafkah zahir dan batin.

Begitu juga penggunaan sindiran yang berunsurkan lucah terdapat dalam rangkap pantun yang berikut.

Mengapa musang terberak-berak,
Kerana berlaga dengan ayam;
Mengapa orang beranak banyak,
Kerana suka berjaga malam.

(KPMR:1401)

Ungkapan '**Kerana suka berjaga malam**' menekankan konteks hubungan suami isteri. Pemantun menggunakan sindiran dalam konteks hubungan suami isteri ini kerana pasangan suami isteri tersebut sering melakukan hubungan intim dan mempunyai ramai anak. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penggunaan sindiran yang berbaur lucah dalam pantun ini lebih menekankan konteks hubungan suami isteri.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Pantun merupakan satu medium untuk menyalurkan satu aspirasi dan nilai-nilai luhur dalam kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu tradisional suatu ketika dahulu menggunakan pantun sebagai satu komunikasi dan luahan hati yang bersifat santun yang bertujuan menyampaikan suatu mesej dengan tidak menyinggung perasaan orang yang dilawan bercakap. Tetapi, melalui pengaplikasian pendekatan yang digunakan dalam kajian ini, iaitu pendekatan Strategi Ketidaksantunan yang diperkenalkan oleh Culpeper (1996) secara tidak langsung dapat mengenal pasti penggunaan bahasa yang tidak santun dalam pantun. Oleh itu, menerusi dapatan kajian ini, terdapat tiga strategi ketidaksantunan seperti yang telah dinyatakan oleh Culpeper (1996).

Strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam pantun kelakar tersebut mempunyai fungsi dan matlamat yang tersendiri terhadap pembaca. Elemen ketidaksantunan seperti penggunaan bahasa tabu, penggunaan penanda identiti yang tidak tepat atau tidak bersesuaian bertujuan untuk memberikan kesedaran atau pengajaran terhadap pembaca tentang fenomena yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Mesej yang ingin disampaikan oleh pemantun juga banyak berkisarkan mengenai pentingnya nilai dan gaya hidup Islam dalam masyarakat Melayu. Selain itu, menerusi kajian ini juga dapat dilihat penggunaan sindiran yang berbaur lucah yang melibatkan konteks hubungan suami isteri. Hal ini merupakan perkara yang begitu sensitif untuk

diperkatakan terutamanya dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu itu sendiri terkenal dengan sifat lemah lembut dan sopan santun dalam berbicara.

Kesimpulannya, penemuan kajian ini juga amat menarik apabila penyelidik dan pembaca secara tidak langsung dapat memahami kehidupan dan norma sosial dalam masyarakat Melayu Riau memandangkan pantun yang dipilih ini berasal dari kepulauan Melayu Riau, Indonesia. Seterusnya, kajian ini juga boleh memberikan impak yang besar dalam bidang kesantunan bahasa memandangkan kajian ketidaksantunan berbahasa dalam pantun adalah terhad.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan et.al. (2011). Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa Pelajar di UUM. *Kertas Kerja Penyelidikan*. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2014). Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Remaja. Tesis *PhD*. Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Ngali. (2014). Ketidaksantunan dan Kesantunan Berbahasa dalam Perspektif Islam serta Dampaknya terhadap Pembentukan Karakter. *Prosiding Seminar Nasional*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Anitha Xavior (2017). Strategi Ketidaksantunan Bahasa Juri dalam Rancangan Realiti. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur. *Sarjana Linguistik*.
- Anwar Ridhwan & Kratz. (2004). Hati Mesra: Pantun Melayu Sebelum 1914 Suntingan Hans Overbeck. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. & Levinson, S. (1987). *Politeness. Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bousfield, D. & Locher, M. (2008). *Impoliteness in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin and New York: Moutonde Gruyter.
- Brenes Peña, E. (2011). *Tertulia televisiva y descortesía verbal. Análisis pragmalingüístico (Ketidaksantunan Verbal dan Perbincangan Umum di Televisyen Umum. Satu Analisis Linguistik-Pragmatik)*. Peter Lang: Berlin.
- Culpeper, J. (1996). Towards an Anatomy of Impoliteness. *Journal of pragmatics*, 25(3), 349-367. Dicapai pada 28 November, 2017, daripada <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/0378216695000143>
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Emeis, M.G. (1975). *Bunga Rampai Melayu Kuno (Cetakan Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamilton, A.W. (1987). *Malay Pantuns*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yasin Ahmad. (2012). *Pantun Jiwa Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Mohd. Daud Kadir et.al. (1985). *Masyarakat Melayu Riau dan Kebudayaanannya*. Pekan Baru, Riau: Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat I Riau.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (1997). Kesantunan dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (4), 292-298.
- Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. (2010). *Kumpulan Hadits Shahih Bukhari Muslim*. Indonesia: Insan Kamil.
- Noriati A.Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nor Shahila Mansor et.al. (2014). Ketidaksantunan Bahasa sebagai Strategi Pujukan dalam Iklan Berbahasa Sepanyol. *Jurnal Pengajian Bahasa GEMA Online*, 14(3).
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *Jurnal Pengajian Bahasa GEMA Online*. 2(3), 849-863.
- Teo Kok Seong. (1996). The Acquisition of Malay as a Second Language: A Case of the Essentiality of Culture Learning. *A paper presented at Southeast Asian Linguistics Society*. 1, 10-12.
- Tenas Effendy. (2005). *Nilai-nilai dalam Tunjuk Ajar dan Petua Amanah Melayu Riau*. Riau: Lembaga Kerapatan Adat Melayu Kabupaten Pelalawan.
- Tenas Effendy. (2016). *Khazanah Pantun Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. (2011). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1996). *Seni dan Budaya dalam Kreativiti Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16, 62-74.